



## **KENYATAAN AKHBAR**

### **SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN EJEN-EJEN PELANCONGAN KE PUSAT SEJARAH BRUNEI**

**Selasa, 4hb September 2018**

Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan satu sesi taklimat kepada ejen-ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan pada hari Selasa, 4hb September 2018, bertempat di Pusat Sejarah Brunei, Jalan Stoney/Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan. Taklimat telah disampaikan oleh Yang Mulia Pg Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad, Ketua Bahagian Pameran dan Perkhidmatan, Pusat Sejarah Brunei. Selepas sesi taklimat ejen-ejen pelancongan juga dibawa melawat galeri-galeri di Pusat Sejarah Brunei serta menyaksikan beberapa demonstrasi seperti takapan batu nisan, membuat salasilah dan seni khat jawi.

Hadir mengetuai rombongan lawatan ialah Yang Mulia Dayang Kartini binti Hj Kabri, Pegawai Tugas-Tugas Kanan Tingkat 1 dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Objektif utama sesi taklimat dan lawatan tersebut diadakan ialah bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran pemandu-pemandu pelancong di negara ini dalam memberikan perkhidmatan kepada pelancong yang berada di Negara Brunei Darussalam, terutama sekali mengenai sejarah Brunei. Selain itu ianya juga bertujuan bagi menyampaikan maklumat yang terkini terhadap produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di Pusat Sejarah Brunei disamping mengalakkan ejen-ejen pelancongan untuk memasukkan lawatan ke Pusat Sejarah Brunei di dalam pakej-pakej lawatan mereka. Buat masa ini terdapat empat galeri dibukakan untuk orang ramai dan pelancong iaitu Galeri Era Kegemilangan Brunei, Galeri Koleksi Manuskrip Borneo, Galeri Sejarah Brunei Tua dan Galeri Salasilah. Juga tarikan yang dipamerkan adalah Replika Makam Sultan Bolkiah.

Melalui sesi taklimat dan lawatan ini, pemandu-pemandu pelancong diharap akan dapat menyalurkan maklumat yang betul, tepat, menarik dan seterusnya memberi nilai tambah apabila mereka memberi penerangan kepada pelancong-pelancong. Menurut Pusat Sejarah Brunei, rekod statistik pelawat yang mengunjungi Pusat berkenaan dari tahun 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 17,984 orang. Salah satu tarikan utama Pusat Sejarah Brunei ialah sejarah kedatangan Islam ke Brunei Darussalam dan juga perkembangan Syiar Islam yang sering mendapat perhatian pelancong-pelancong luar negara. Selain itu Pusat Sejarah Brunei juga mempunyai perpustakaan, kedai cenderamata, kedai buku dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk kemudahan orang ramai. Adalah diharap dengan usaha berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan ini akan dapat meningkatkan kemahiran lagi dan kualiti perkhidmatan pemandu pelancong dan justeru menyumbang kepada meningkatkan jumlah pelancong yang datang ke negara ini dimasa-masa akan datang.

Jabatan Kemajuan Pelancongan sentiasa komited untuk meneruskan program kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan juga ejen-ejen pelancongan kerana mereka merupakan agensi yang berhadapan secara langsung membawa pelancong-pelancong dari luar negeri ke negara ini. Pada tahun 2017 sebanyak 258,955 pelancong telah datang ke Brunei Darussalam (melalui udara) dan ini adalah peningkatan sebanyak 18.3 peratus berbanding tahun 2016.

**- Tamat -**